

TERURUS • BERSEMANGAT DAN BERTENAGA • MAKMUR



PELAN STRATEGIK 2016-2020


PERBADANAN PUTRAJAYA



**PELAN
STRATEGIK
2016-2020**

PERBADANAN PUTRAJAYA

TERURUS • BERSEMANGAT DAN BERTENAGA • MAKMUR



KANDUNGAN

Perutusan	
Presiden	3
Kata-kata Aluan	
Pengerusi Jawatankuasa Pengurusan Strategik	5
<hr/>	
BAB 1 - Latar Belakang	
i. Ringkasan Eksekutif	7
ii. Pengenalan	8
iii. Carta Organisasi	9
iv. Punca Kuasa	10
v. Fungsi dan Peranan	11
<hr/>	
BAB 2 - Senario Persekutaran	
i. Stakeholders, Pelanggan dan Rakan Strategik	13
ii. Isu-isu dan Cabaran	14~15
<hr/>	
BAB 3 - Pencapaian Tahun 2011 ~ 2015	
i. Anugerah dan Pengiktirafan	17
ii. Pencapaian Petunjuk Prestasi Utama (KPI) PPj 2011~2015	18
<hr/>	
BAB 4 - Hala Tuju Strategik	
i. Visi & Misi	21
ii. Dasar Kualiti	22
iii. Nilai-nilai Bersama	23
<hr/>	
BAB 5 - Strategi & Formulasi Tindakan	
i. Teras Strategik (2016~2020)	25
ii. Model Pelan Strategik PPj 2016~2020	25
iii. Strategi, Program dan Petunjuk Prestasi Utama (KPI)	26~37
<hr/>	
BAB 6 - Implementasi ke Arah Kejayaan	
i. Elemen Penentu Kejayaan	39
<hr/>	
BAB 7 - Penutup	
i. Fakta Asas Putrajaya	41
ii. Peta Putrajaya	42
iii. Peristiwa Penting Putrajaya	43
iv. Akronim	44



PERUTUSAN

Presiden

Terlebih dahulu saya ingin memanjatkan kesyukuran kehadiran Allah s.w.t kerana dengan izin dan limpah kurnianya juga kita dapat menyediakan Pelan Strategik Perbadanan Putrajaya (PPj) bagi tempoh 5 tahun iaitu dari tahun 2016 hingga 2020. Pelan Strategik ini merupakan pelan yang ketiga bermula dari tahun 2008, yang mana pada ketika itu hingga tahun 2015 visinya adalah untuk menjadikan "Putrajaya Terurus, Bersemangata dan Bertenaga serta Makmur".

Menjelang tahun 2020 iaitu Ke Arah Negara Maju Yang Berpendapatan Tinggi, PPj telah menetapkan visi dan matlamatnya iaitu "Ke Arah Putrajaya Mampan 2020". Pembangunan Putrajaya secara fizikalnya telah menunjukkan hasil yang menjadi kebanggaan negara, dengan perancangan yang teliti, pembangunan yang teratur serta senibina yang mengagumkan. Sungguhpun begitu, kemampuan sebuah bandar tidak hanya terletak pada pembangunan fizikal sahaja tetapi turut meliputi kemampuan modal insan dan masyarakatnya. Putrajaya merupakan pusat pen-tadbiran negara yang ingin dijadikan contoh kepada bandar-bandar lain di Malaysia. Oleh yang demikian, kemajuan Putrajaya perlu seiring antara kemajuan yang bersifat kebendaan serta amalan dan penghayatan nilai-nilai murni komuniti dan masyarakatnya. Selaras dengan itu, Pelan Strategik PPj 2016-2020 telah menggariskan strategi dan program bagi meningkatkan amalan nilai-nilai murni khususnya bagi warga kerja PPj dan komuniti Putrajaya.

Selain itu, pelbagai acara peringkat kebangsaan dan antarabangsa turut dianjurkan bagi menjadikan Putrajaya lebih ceria dan bertenaga, antaranya ialah *Putrajaya International Hot Air Balloon Fiesta*, *Royal FLORIA Putrajaya*, *Powerman Malaysia*, *Ironman 70.3 Putrajaya*, *Light and Motion Putrajaya (LAMPU)* dan *Putrajaya International Islamic Art and Culture Festival (PIIACuF)*. Acara-acara ini turut menarik pelancong dan pelawat bagi mengunjungi Putrajaya disamping tarikan yang sedia ada seperti tasik dan wetland, taman-taman awam, rekabentuk bangunan dan jambatan serta pusat-pusat komersil dan separa komersil.

Perbadanan Putrajaya juga komited dalam melaksanakan "amalan hijau" iaitu selaras dengan hasrat kerajaan untuk menjadikan Putrajaya sebagai "Bandar Teknologi Hijau". Pelbagai usaha telah dan sedang dilaksanakan, antaranya ialah penukaran jenis lampu, pengasingan sisip pepejal, kitar semula dan pelaksanaan kaedah *composting* bagi sisip kebun. Strategi baru turut digubal bertujuan untuk mempromosi dan menjenamakan Putrajaya khususnya di peringkat antarabangsa sebagai ikon bandar hijau bagi Malaysia.

Justeru, marilah kita bersama-sama menjadi-kan visi "Ke Arah Putrajaya Mampan 2020" sebagai aspirasi dan transformasi PPj dalam mencipta lebih banyak kecemerlangan disamping menghadapi cabaran masa hadapan. PPj juga turut merangka beberapa inovasi dan kerjasama dengan anak-anak syarikat dalam meningkatkan hasil di samping mengoptimumkan perbelanjaan. Pelbagai bidang baru sedang dirancang dan diusahakan bagi memastikan PPj kekal relevan dan dapat mengharungi situasi ekonomi yang semakin mencabar, sebagaimana kata pepatah "*kalaupun tidak dipecahkan ruyung, manakan dapat sagunya*".

Sekian, terima kasih.

DATUK SERI HAJI HASIM BIN HAJI ISMAIL

Presiden
Perbadanan Putrajaya



KATA-KATA ALUAN

Pengerusi Jawatankuasa Pengurusan Strategik

Pertama-tamanya saya ingin mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan ribuan terima kasih kepada semua pihak yang telah menyumbang idea dan bersama-sama dalam menghasilkan Pelan Strategik PPj bagi tahun 2016 hingga 2020. Pelan ini adalah merupakan pelan strategik yang ketiga sejak ia mula diperkenalkan pada tahun 2008, dan ia menjadi rujukan utama dalam penyediaan Sasaran Kerja Tahunan dan pemantauan pencapaian program melalui laporan “key performance indicator (KPI)” yang dibentangkan dalam mesyuarat pengurusan.

Seiring dengan pelaksanaan Program Transformasi Kerajaan (GTP) dan visi Kementerian Wilayah Persekutuan (KWP) iaitu “Peneraju Ke Arah Menjadikan Wilayah Persekutuan Maju Dan Sejahtera Menjelang Tahun 2020”, Pelan Strategik PPj kali ini menggariskan visi baru yang selari dengan KWP iaitu “Ke Arah Putrajaya Mampan 2020”. Walau bagaimanapun PPj masih terus mengekalkan hasrat dalam visi sebelum ini iaitu menjadikan “Putrajaya Terurus, Bersemangat dan Bertenaga serta Makmur”.

Melihat semula pencapaian Petunjuk Prestasi Utama (KPI) bagi tahun 2015, purata pencapaian bagi tahun 2015 adalah sebanyak 84%. Beberapa indikator mencapai tahap cemerlang (melebihi 85%) antaranya kepuasan pelanggan, penyelesaian aduan, kualiti air tasik, indeks akauntabiliti dan skor audit nilai. Manakala terdapat indikator yang berada pada tahap sederhana (bawah 70%) iaitu jumlah premis makanan yang mendapat gred A dan pencapaian inovasi bagi Kumpulan Inovatif dan Kreatif (KIK).

PPj juga sedang menggubal dan mengemas-kini beberapa pelan, antaranya Pelan Strategik Pelancongan, Pelan Strategik ICT, Pelan Komprehensif Sumber Manusia, Rangka Kerja Pengurusan Risiko dan Pelan Tindakan Amalan Nilai-Nilai Murni Putrajaya. Walau bagaimanapun cabaran utama yang dihadapi masa kini dalam melaksanakan pelan-pelan berkenaan adalah sumber kewangan yang terhad. Segala pelan tindakan yang akan dilaksanakan perlu mengambil kira bagaimana untuk meningkatkan pendapatan dan pada masa yang sama mengoptimumkan perbelanjaan.

Sehubungan itu, adalah diharapkan semua warga PPj dapat bersama-sama meningkatkan kualiti perkhidmatan serta membudayakan inovasi, agar ianya dapat menyumbang ke arah peningkatan hasil dan pada masa yang sama memenuhi keperluan pelanggan dan masyarakat.

Terima kasih.

DATO' HAJI ROGAIZAT BIN ABDULLAH

Naib Presiden Perkhidmatan Korporat
Perbadanan Putrajaya

BAB 1

LATAR BELAKANG



6

RINGKASAN EKSEKUTIF

Pelan Strategik Perbadanan Putrajaya 2016-2020 ini bertujuan meneruskan usaha-usaha untuk menjadikan Putrajaya Bandar Mampan dan Bandar Hijau iaitu bagi mencapai visi ke Putrajaya menjelang tahun 2020. Rancangan Struktur Putrajaya 2025 telah menggariskan visi sebagai Putrajaya Mampan 2015.

Walaupun pelan ini masih mengekalkan matlamat asalnya iaitu menjadikan Putrajaya sebagai sebuah Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan yang terurus, bersemangat dan bertenaga serta makmur tetapi ia juga dibentuk ke arah menyokong hasrat Kementerian Wilayah Persekutuan (KWP) menjadikan Wilayah Persekutuan Maju Dan Sejahtera Menjelang Tahun 2020.

Pelan ini berpaksikan 6 teras utama dengan 27 strategi dan 108 Petunjuk Prestasi Utama (*KPI*) yang bermatlamat menjadikan Putrajaya terus maju dengan kepelbagaiannya ekonomi serta menjadi destinasi pelancongan unggul. Selain daripada memperkasakan pusat-pusat komersil utama di Putrajaya, pelbagai usaha terus dilaksanakan untuk membangunkan produk pelancongan dan aktiviti yang inovatif, unik dan menarik.

Di samping itu pelan ini juga mensasarkan pembentukan komuniti Putrajaya yang mampan menjelang tahun 2020 dengan penekanan kepada kepuasan pelanggan, pembangunan kapasiti dan sistem penyampaian maklumat yang berkesan dengan penekanan ke arah meningkatkan kualiti penyelenggaraan dan memperkuuhkan pengurusan maklumat dan komunikasi.

Tempoh pelaksanaan Pelan Strategik PPj pada kali ini adalah juga selari dengan tempoh pelaksanaan Pelan Strategik KWP dan Rancangan Malaysia Ke-11 yang iaitu tahun 2016 hingga 2020. Menjelang tahun 2020, Putrajaya dijangka akan dikenali sebagai peneraju "Bandar Teknologi Hijau" dengan pelbagai usaha termasuk sasaran 60% pengurangan pelepasan karbon, pengiktirafan "Bangunan Hijau" di lebih 30 bangunan kerajaan dan komersil serta penyediaan infrastruktur laluan sikal dan pejalan kaki sepanjang 337.8km di sekitar Putrajaya.

Pelbagai kejayaan dan pencapaian PPj dalam tempoh pelaksanaan Pelan Strategik 2011-2015 seperti Pensijilan Standard Kualiti Antabangsa MS ISO 9001:2008, *The International Awards for Liveable Communities* dan *The Green City Award* akan menjadi pemangkin bagi Putrajaya Ke Arah Bandar Mampan 2020.




7

PENGENALAN

Perbadanan Putrajaya (PPj) telah ditubuhkan pada 1 Mac 1996 di bawah Akta Perbadanan Putrajaya 1995 (Akta 536) bertujuan untuk mentadbir dan mengurus Wilayah Persekutuan Putrajaya. Putrajaya telah diisytiharkan sebagai Wilayah Persekutuan pada 1 Februari 2001. Sebelum ini, Wilayah Persekutuan Putrajaya yang dikenali sebagai Kawasan Perbadanan Putrajaya adalah merupakan sebuah daerah dalam Negeri Selangor.



CARTA ORGANISASI



PUNCA KUASA

Perbadanan Putrajaya menjalankan fungsi-fungsinya dengan berlandaskan kepada peruntukan undang-undang seperti berikut:

- (a) Akta Perbadanan Putrajaya 1995 (Akta 536)
- (b) Akta Kerajaan Tempatan 1976 (Akta 171)
- (c) Akta Perancangan Bandar dan Desa 1976 (Akta 172)
- (d) Akta Jalan, Parit dan Bangunan 1974 (Akta 133)
- (e) Akta Pengangkutan Jalan 1987 (Akta 333)
- (f) Akta Perlembagaan (Pindaan) 2001
- (g) Akta Pemaju Perumahan 1966
- (h) Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974 (Akta 172)

FUNGSI DAN PERANAN

Fungsi-fungsi Perbadanan Putrajaya sebagaimana yang dinyatakan dalam Seksyen 4 Akta Perbadanan Putrajaya 1995 (Akta 536), ialah :

- (a) Melaksanakan segala fungsi kerajaan tempatan di dalam Wilayah Persekutuan Putrajaya;
- (b) Memajukan, menggalakkan, memudahkan dan mengusahakan pembangunan ekonomi dan sosial di dalam Wilayah Persekutuan Putrajaya;
- (c) Memajukan, menggalakkan, memudahkan dan mengusahakan pembangunan komersial, pembangunan infrastruktur serta juga pembangunan tempat tinggal di dalam Wilayah Persekutuan Putrajaya; dan
- (d) Mengawal dan menyelaraskan pelaksanaan aktiviti-aktiviti yang disebut dalam perenggan (b) dan (c) di dalam Wilayah Persekutuan Putrajaya.



BAB 2

SENARIO PERSEKITARAN



STAKEHOLDERS, PELANGGAN DAN RAKAN STRATEGIK

Stakeholders

- Kementerian Wilayah Persekutuan (KWP)
- Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT)
- Kementerian Kewangan (MoF)
- Jabatan Perdana Menteri (JPM)

Pelanggan

- Penduduk
- Pemilik Kediaman dan Premis Perniagaan
- Pelancong dan Pelawat
- Penyewa Premis Perniagaan


Rakan Strategik

- Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan (MOTAC)
- Kementerian Belia dan Sukan (KBS)
- Tourism Malaysia
- Bahagian Pengurusan Hartanah, JPM
- Biro Pengaduan Awam, JPM
- Putrajaya Holdings Sdn. Bhd.
- RELA dan JPAM
- PDRM dan BOMBA
- Hospital dan Klinik Kesihatan Putrajaya
- DBKL dan Perbadanan Labuan
- Media

ISU DAN CABARAN

Pelan Strategik Perbadanan Putrajaya 2016-2020 adalah berlandaskan kepada aspirasi Kerajaan untuk menjadikan Putrajaya sebagai Bandar Contoh dalam semua aspek, dan transformasi Bandar Dalam Taman ke Bandar Hijau menjelang tahun 2015. Pada masa yang sama, pencapaian Pelan Strategik PPj 2011-2015 juga turut dijadikan asas dalam membangunkan teras strategi dan strategi pelan ini.

Sebanyak 27 strategi yang disokong oleh petunjuk prestasi utama dan program dan aktiviti yang relevan bagi menangani isu-isu dan cabaran di dalam menjadikan Putrajaya terurus, bersemangat dan bertenaga serta makmur telah dikenalpasti seperti rangka kerja yang ditunjukkan di Rajah 1.



Rajah 1 : Isu dan Cabaran

BAB 3

PENCAPAIAN TAHUN 2011 ~ 2015



ANUGERAH DAN PENGIKTIRAFAN

Bagi tempoh tahun 2011 hingga tahun 2015, PPj telah menerima pelbagai anugerah dan pengiktirafan dari dalam dan luar negara antaranya:

2011

ANUGERAH YANG DITERIMA

- *Campaign Role Model for Making Cities Resilient, International Strategy for Disaster Reduction*
- *Anugerah Bandar Lestari Alam Sekitar peringkat ASEAN* oleh ASEAN Environment Ministers
- *Excellence Award for Taman Wetland Putrajaya in the Green City Category* oleh Institute of Landscape Architects Malaysia
- *Penarafan Lima Bintang, Malaysia Government Portals and Website Assessment*

2012

ANUGERAH YANG DITERIMA

- *Anugerah Emas: Putrajaya Ecohydrology Management of Lake and Wetland in Putrajaya Urban Ecosystem* oleh United Nations Environment Programme (UNEP)
- *Pengiktirafan Standard Antarabangsa MS ISO 9001:2008 bagi Pengurusan dan Perkhidmatan Perbandaran* bagi Wilayah Persekutuan Putrajaya
- *Best Booth Design Award, International Exhibition and Conference on Sustainable Building, Design and Construction (Green Build Asia 2012)*
- *Largest Participation in an Inter-Park Cycling Event, The Malaysia Book of Records*

2013

ANUGERAH YANG DITERIMA

- *Interactive Media Awards (IMA)*
 - Best in Class (Government)
 - Best in Class (Arts/Culture)
 - Putrajaya Portal Visual Appeal - Gold
 - Putrajaya Portal Travel/Tourism - Gold
 - Putrajaya Portal Homepage - Silver
 - Putrajaya Portal Community - Silver
 - Putrajaya Portal Corporate Communications - Silver
 - Putrajaya Portal Branding - Silver
- *The Longest Vertical Landscape Wall, Festival Bunga dan Taman FLORIA Putrajaya 2013, The Malaysia Book of Records*
- *Information Security Management System, Complying with ISO/IEC 27001:2007*
- *Aplikasi Perakaunan yang Mematuhi Kriteria Pematuhan SAGA*

2014

ANUGERAH YANG DITERIMA

- *Anugerah The Country Brand Award - FLORIA Putrajaya 2014* oleh The Brand Laureate Malaysia
- *Penyertaan Terbanyak Peserta Antarabangsa – FLORIA Putrajaya 2014* (43 peserta dari 23 negara) – *The Malaysia Book of Records*
- *Anugerah Kecemerlangan Media Sosial – Urban Wellbeing Engagement di 2014 World Bloggers and Social Media Awards*
- *Anugerah Tandas Bersih 1Malaysia Peringkat Kebangsaan:*
 - Kategori PBT:
 - Anugerah Emas: Tandas Awam Marina Putrajaya
 - Anugerah Gangsa: Tandas Pusat Mendaki Taman Cabaran
 - Kategori Pelancongan:
 - Anugerah Emas: Tandas Pantai Buatan, Presint 6
 - *Anugerah Pengiktirafan Empat Bintang*, Sistem Penarafan Bintang Bahasa Kebangsaan Pihak Berkusa Tempatan
 - *Anugerah Green City Award*, Sistem Inventori dan Pengurusan Pokok
 - *Anugerah Taman Awam Yang Memuaskan* (Peratusan Tertinggi)
 - *Anugerah Geospatial Kebangsaan*, Projek Perbadanan Putrajaya Geographical Information System – PutraGeoInfo
 - *Largest Light and Motion Festival (LAMPU) – The Malaysia Book of Records*

2015



ANUGERAH YANG DITERIMA

- *Anugerah Kepujian Green City Award di Malaysia Landscape Architecture Awards – Government & City Council Category, Institute of Landscape Architects Malaysia (ILAM)*
- *Anugerah Kecemerlangan Media Sosial* di Community Engagement di 2015 World Bloggers and Social Media Awards
- *Tandas Awam Yang Memuaskan* – Jabatan Landskap Negara
- *Penarafan Pengurusan Kewangan (Indeks Aktauntabiliti – 5 Bintang)* – Laporan Ketua Audit Negara

PENCAPAIAN PETUNJUK PRESTASI UTAMA (KPI) PERBADANAN PUTRAJAYA 2011-2015

Berikut adalah petunjuk Prestasi Utama (KPI) Perbadanan Putrajaya dari tahun 2011 sehingga 2015;

Bil.	OBJEKTIF STRATEGIK / KPI	TAHUN PENCAPAIAN				
		2011	2012	2013	2014	2015
1.	Skor Kepuasan Pelanggan	82%	85%	100%	80%	95%
2.	Aduan Diselesaikan Dalam Tempoh	56%	84%	88%	93%	89%
3.	Indeks Kualiti Air Tasik Kelas II (76.5 – 92.7)	100%	100%	100%	100%	100%
4.	Premis Makanan Mendapat Gred A	30%	31%	27%	33%	57%
5.	Pencapaian Indeks Akauntabiliti	90%	91%	91%	91%	94%
6.	Inovasi KIK	13%	13%	17%	88%	64%
7.	Skor Audit Nilai	77%	79%	78%	74%	89%
PURATA PENCAPAIAN KPI		64%	69%	72%	80%	84%



BAB
4

HALA TUJU STRATEGIK



VISI

*Ke Arah Putrajaya Mampan
2020*

MISI

*Menerajui Perancangan,
Pembangunan Dan
Perkhidmatan Perbandaran
Untuk Kesejahteraan Putrajaya
Melalui Tadbir Urus Cekap
Dan Berkesan*

DASAR KUALITI

*Membina Organisasi Yang
Berprestasi Tinggi, Cekap,
Mesra Pelanggan Dan
Mengamalkan Tahap Tadbir
Urus Dan Integriti Yang
Sangat Baik.*

NILAI-NILAI BERSAMA

- 1 Kami mengutamakan pelanggan dan komited untuk menyediakan perkhidmatan yang berkualiti
- 2 Kami sentiasa berusaha untuk mencapai kecemerlangan dalam setiap perkara yang dilaksanakan
- 3 Kami bekerja dalam satu pasukan bagi menjana kebolehan dan keupayaan bersama
- 4 Kami mendukung dan mengamalkan integriti pada setiap masa
- 5 Kami prihatin kepada komuniti dan alam sekitar



BAB 5


STRATEGI & FORMULASI TINDAKAN



TERAS STRATEGIK (2016-2020)

- 1 **Menjadikan Putrajaya sebagai Ikon Bandar Hijau, Mampan dan Sejahtera.**
- 2 **Membangun dan Menggalakkan Persekutaran Kondusif untuk Mewujudkan Kepelbagaian Ekonomi Bandar.**
- 3 **Menjadikan Putrajaya sebagai Destinasi Pelancongan Unggul dan Berdaya Saing.**
- 4 **Memperkuuh Jalinan Kerjasama Pintar dan Penglibatan Aktif ke arah Pembentukan Komuniti Mampan.**
- 5 **Memperkasakan Perkhidmatan Perbandaran untuk Kepuasan Pelanggan.**
- 6 **Memantapkan Pembangunan Kapasiti dan Sistem Penyampaian yang Berdaya Saing.**

MODEL PELAN STRATEGIK PPj 2016-2020



STRATEGI, PROGRAM DAN PETUNJUK PRESTASI UTAMA (KPI)

TERAS

1

MENJADIKAN
PUTRAJAYA
SEBAGAI IKON
BANDAR HIJAU,
MAMPAH DAN
SEJAHTERA

- Strategi 1** Meningkatkan amalan hijau dalam perancangan, pembangunan dan pengurusan bandar
- Strategi 2** Meningkatkan kualiti ekosistem bandar dan biodiversiti
- Strategi 3** Meningkatkan pembangunan perumahan, ameniti dan infrastruktur
- Strategi 4** Meningkatkan keselamatan persekitaran

TERAS 1 | MENJADIKAN PUTRAJAYA SEBAGAI IKON BANDAR HIJAU, MAMPAH DAN SEJAHTERA

PROGRAM & KPI

BIL.	STRATEGI	PROGRAM	KPI / SASARAN	PENYELARAS KPI
1.	Meningkatkan Amalan Hijau dalam Perancangan, Pembangunan dan Pengurusan Bandar.	Penjimatan bil elektrik untuk sistem lampu awam/lampu jalan. Program kitar semula di kawasan kediaman dan kemudahan awam.	Penjimatan bil elektrik (2%/tahun). 1. 4 pusat kitar semula sedia ada beroperasi setiap hari. * Sebanyak 6 buah PKS beroperasi di Putrajaya tetapi hanya PKS P9 setiap hari. 2. Kutipan hasil bahan kitar semula: Peningkatan kutipan bahan kitar semula sebanyak 5% setahun. 3. 1 set tong kitar semula (Two-Bin System) di kemudahan awam milik PPj.	Bhg. Jalan - J(B) Bhg. Kesihatan Persekitaran - J(P)
		Penyediaan inventori tahunan pelepasan karbon Putrajaya.	5 laporan inventori dengan sasaran 60% pengurangan pelepasan karbon	Bhg. Pembangunan Mampan - J(R)
		Program pemantauan dan pelaporan pengurangan pelepasan karbon bagi sektor bangunan Putrajaya (CERMAT-BS).	a) Pelaksanaan program CERMAT-BS melibatkan: 98 bangunan kerajaan, 62 bangunan ameniti & fasiliti awam. b) Program pemantauan penggunaan tenaga bangunan - 10 bangunan milik PPj	Bhg. Pembangunan Mampan - J(R)

BIL.	STRATEGI	PROGRAM	KPI / SASARAN	PENYELARAS KPI
1.	Meningkatkan Amalan Hijau dalam Perancangan, Pembangunan dan Pengurusan Bandar. (Samb.)	Meningkatkan Amalan Hijau dalam Perancangan, Pembangunan dan Pengurusan Bandar. (Samb.)	Program penjimatan penggunaan dan kecekapan tenaga elektrik dan air kokol serta air bagi bangunan dan infrastruktur milik PPj.	a) Penjimatan 2% penggunaan air bagi bangunan milik PPj. b) Penjimatan 2% bil elektrik bagi bangunan milik PPj.
		Program Bangunan Hijau di Core Island Putrajaya.	30 bangunan kerajaan & komersil mendapat pengiktirafan bangunan hijau.	Bhg. Senibina dan Inspektorat Bangunan - J(R)
		Program penghijauan bandaraya.	a) Bilangan pokok yang ditanam 1,500 pokok/tahun b) Mengelakkan kawasan hijau 30%	Bhg. Taman dan Rekreasi - J(L)
		1. Penyediaan pengangkutan awam karbon rendah.	Penggunaan 10 bas elektrik	J(P) & J(R)
		2. Penyediaan infrastruktur cycle-able city dan walkable city.	Penambahbaikan infrastruktur laluan sikal dan pejalan kaki sepanjang 337.8 km.	J(B) & Bhg. Pembangunan Mampan - J(R)
		1. Penyediaan Material Recovery Centre. 2. Penggunaan Two-Bin System.	1 pusat. 7908 unit landed property.	J(P) & J(R) Bhg. Pengurusan Fasiliti - J(B))
		1. Program pembangunan kapasiti bandar hijau. 2. Program pembangunan kerja melibatkan sektor "green".	2 program setahun. 10 pegawai yang mendapat penarafan/pengiktirafan profesional setahun.	Bhg. Pembangunan Mampan - J(R)
		3. Penjimatan penggunaan peralatan pejabat.	a) Pengurangan 2% penggunaan kertas setahun b) Pengurangan 2% penggunaan toner setahun c) Pengurangan 2% penggunaan alat tulis setahun	Bhg. Pentadbiran - J(K)
		2. Meningkatkan Kualiti Ekosistem Bandar dan Biodiversiti.	Program pemantauan kualiti air tasik. Pemantauan fauna dan penilaian index diversity di Tasik & Wetland	Sekurang-kurangnya mematuhi Index Kualiti Air (WQI) Kelas II. Mematuhi 100% julat Shannon Diversity Index yang sihat
			Kempen kesedaran awam menghargai ekosistem.	5 kali setahun (Melebihi 5,000 penyertaan setahun)
2.	Meningkatkan Perancangan dan Pembangunan Perumahan, Ameniti dan Infrastruktur.	Perancangan dan Pembangunan PPA1M:	Perancangan KPI untuk serahan kunci:- i. PPA1M Fasa 1 (7,872 unit). ii. PPA1M Fasa 2 (5,378 unit). iii. PPA1M Fasa 3 (4,270 unit). JUMLAH: 17,500 unit	Sasar KPI untuk serahan kunci:- a) 2016 - sebanyak 263 unit b) 2017 - sebanyak 6437 c) 2018 - Sebanyak 1200 unit
		Meningkatkan Keselamatan & Kesihatan Persekitaran.	a) Mengemaskini Garis Panduan OSH-PPj. b) Kempen Kesedaran OSH-PPj : - 1 kali setahun	Bhg. Kesihatan Persekitaran - J(P)
		Pelaksanaan Task Force Bandar Selamat	40 program/tahun	Bhg. Pembangunan Mampan - J(R)

TERAS 2

MEMBANGUN DAN
MENGGALAKKAN
PERSEKITARAN
KONDUSIF UNTUK
MEWUJUDKAN
KEPELBAGAIAN
EKONOMI
BANDAR

- Strategi 1** ► Membangun dan memperkasakan pusat komersil utama dan pusat separa komersil
- Strategi 2** ► Meningkatkan kemudahan sokongan dan *accessibility ICT*
- Strategi 3** ► Menggalakkan perkongsian pintar
- Strategi 4** ► Membangunkan komuniti perniagaan

TERAS 2 | MEMBANGUN DAN MENGGALAKKAN PERSEKITARAN KONDUSIF UNTUK MEWUJUDKAN KEPELBAGAIAN EKONOMI BANDAR | PROGRAM & KPI

BIL.	STRATEGI	PROGRAM	KPI / SASARAN	PENYELARAS KPI
1.	Membangun dan Memperkasakan Pusat Komersil Utama dan Separa Komersil.	<p>Menambah baik kelengkapan peralatan pusat komersil yang bersesuaian di bawah seliaan PPj.</p> <p>Membangun dan menambahbaik prasarana sokongan di premis perniagaan seliaan PPj.</p> <p>Mengkaji dan melaksanakan kepelbagaian jenis perniagaan mengikut kesesuaian kawasan.</p>	<p>a) Meningkatkan kelengkapan peralatan Medan Selera milik PPj (Sekurang-kurangnya 80%).</p> <p>b) Menyeragamkan Kafe Luaran (<i>Al-fresco</i>) di bawah seliaan PPj – 20% (2016).</p> <p>a) Memastikan semua prasarana sokongan di premis perniagaan seliaan PPj mesra OKU berdasarkan Konsep Rekabentuk Sejagat dengan capaian sekurang-kurangnya 50% daripada jumlah sasaran.</p> <p>b) Memastikan pelan-pelan yang diterima daripada agensi pelaksana bagi pembangunan prasarana sokongan di premis perniagaan seliaan PPj yang baru mencapai 100% mesra OKU berdasarkan Piaawaian Malaysia (Malaysia Standard) terkini sebelum penghujung tahun 2020.</p>	Bhg. Komersil, Pembangunan Perniagaan dan Pelesenan - J(P)
2.	Meningkatkan Kemudahan Sokongan dan Accessibility ICT.	<p>Menyediakan kemudahan capaian perkhidmatan ICT kepada warga Perbadanan Putrajaya.</p> <p>Menyediakan infrastruktur sambungan rangkaian ICT kepada semua bangunan milik PPj</p> <p>Menyediakan kemudahan Wifi untuk orang awam di semua bangunan milik PPj termasuk dewan, bilik mesyuarat dan tempat awam.</p> <p>Pematuhan <i>best practice</i> kawalan keselamatan ICT</p>	<p>100 % warga PPj</p> <p>100 % bangunan milik PPj mempunyai rangkaian ICT</p> <p>100 % bangunan milik PPj, 100 % Premis perniagaan makanan 100 % Kawasan tumpuan awam</p> <p>Pensijilan <i>Information Security Management System</i> (ISMS).</p>	Bhg. Senibina dan Inspektorat Bangunan - J(R) Bhg. Teknologi Maklumat dan Komunikasi - J(K)
3.	Menggalakkan Perkongsian Pintar.	Warga Perbadanan menggunakan perkhidmatan ICT dalam urusan harian.	<p>a) Minggu kesedaran ICT setahun sekali.</p> <p>b) Peningkatan penggunaan <i>system online</i> setiap tahun 10%</p> <p>c) Perlaksanaan Pelan Strategik ICT 100%</p>	Bhg. Teknologi Maklumat dan Komunikasi - J(K)
4.	Membangunkan Komuniti Perniagaan.	<p>Kerjasama bersama agensi atau pihak-pihak berkaitan.</p> <p>Melaksanakan kursus dan latihan keusahawanan.</p> <p>Pelaksanaan Pemerksaan Ekonomi Bumiputera</p>	<p>Bilangan perkongsian/ kerjasama : 1 program setahun untuk meningkatkan taraf ekonomi komuniti perniagaan di Putrajaya</p> <p>Bilangan kursus dan latihan: a) 2 program setahun kepada komuniti</p> <p>Bilangan program yang dilaksanakan b) 1 program 2016, (kios komuniti Presint 9)</p>	Bhg. Komersil, Pembangunan Perniagaan dan Pelesenan - J(P) Bhg. Komersil, Pembangunan Perniagaan dan Pelesenan - J(P)

TERAS 3

MENJADIKAN
PUTRAJAYA
SEBAGAI DESTINASI
PELANCONGAN
UNGGUL
DAN BERDAYA
SAING

- Strategi 1** ► Membangunkan produk pelancongan dan aktiviti yang inovatif, unik dan menarik
- Strategi 2** ► Meningkatkan amalan baik perkhidmatan pelancongan
- Strategi 3** ► Meningkatkan promosi destinasi dan promosi produk pelancongan
- Strategi 4** ► Memperkuuhkan kerjasama dengan industri pelancongan

TERAS 3		PROGRAM & KPI		
BIL.	STRATEGI	PROGRAM	KPI / SASARAN	PENYELARAS KPI
1.	Membangunkan Produk Pelancongan dan Aktiviti yang Inovatif, Unik dan Menarik.	Penganjuran acara bertaraf antarabangsa. Penganjuran acara/aktiviti domestik.	Jumlah acara antarabangsa – 4 acara setiap tahun Bilangan acara domestik. – 20 acara/tahun	Bhg. Komunikasi Korporat - J(K) J(K),J(P),J(R),J(L)
2.	Meningkatkan Amalan Baik Perkhidmatan Pelancongan.	Pembangunan Produk/ Paket Pelancongan oleh PPj dan anak Syarikat Perkhidmatan Penguakusa Pelancongan/Polis Pelancong. Cth: Unit Berkuda	14 paket/tahun 5 kali seminggu rondaan di Dataran Putra/Taman.	Bhg. Komunikasi Korporat - J(K), Bhg. Interpretif & Pendidikan Taman - J(L) Anak Syarikat Bhg. Penguakusa - J(P)
3.	Meningkatkan promosi destinasi dan promosi produk pelancongan.	Kempen/Program/Aktiviti untuk penerapan nilai/amalan terbaik pelancongan di kalangan warga Putrajaya (BKK/Bhg. Komuniti). Peratus <i>Frontliner</i> diberi pendedahan setahun (50% - 2016). Peratus peniaga diberi pendedahan/taklimat kebersihan. 20% - 2016 30% - 2017 Bil sesi taklimat pelancongan bersama MPP (2 kali-2016)	Peratus <i>Frontliner</i> diberi pendedahan setahun (50% - 2016). Peratus peniaga diberi pendedahan/taklimat kebersihan. 20% - 2016 30% - 2017 Bil sesi taklimat pelancongan bersama MPP (2 kali-2016)	Bhg. Komunikasi Korporat - J(K) Bhg. Perkhidmatan Komuniti - J(P) J(L) Bhg. Komersil, Pembangunan Perniagaan dan Pelesenan - J(P)
4.	Memperkuuhkan kerjasama dengan industri pelancongan.	Promosi Antarabangsa. Promosi Domestik. Kempen Promosi Bertema secara fokus. Meningkatkan kehadiran Pengunjung/ Pelancong ke Putrajaya	3 (2016) 8 (2016) Peratus kenaikan pengunjung berdasarkan Promosi Bertema. a) Tema 2016 - Jom Ke Taman, (Kenaikan 10%) b) Tema 2017 - Aktiviti Air, (Kenaikan 5%) c) Tema 2018 - Eko Pelancongan, (Kenaikan 5%) d) Tema 2019 - Kesenian, (Kenaikan 5%) e) Tema 2020 - Tahun semarak patriotik, (Kenaikan 5%) Bilangang Kenaikan pengunjung/ Pelancong setahun 200,000 (2016) 200,000 (2017) 200,000 (2018) 200,000 (2019) 200,000 (2020)	Bahagian Komunikasi Korporat - J(K) Bhg. Komunikasi Korporat - J(K) Bhg. Komunikasi Korporat - J(K) J(K), J(L), J(P), J(R)
		Program bersama penggiat pelancongan.	Bilangan program kerjasama dengan penggiat pelancongan yang terlibat: a) 6 program (2016)	Bahagian Komunikasi Korporat - J(K)

TERAS 4

MEMPERKUKUHKAN JALINAN KERJASAMA PINTAR DAN PENGLIBATAN AKTIF KE ARAH PEMBENTUKAN KOMUNITI MAMPAH

- Strategi 1** ➤ Meningkatkan program bagi memperkasakan komuniti
- Strategi 2** ➤ Menggalakkan “engagement” dan “empowerment” di kalangan komuniti
- Strategi 3** ➤ Menambahbaik kaedah pengiktirafan ke atas pencapaian dan inisiatif yang cemerlang oleh komuniti
- Strategi 4** ➤ Memperkasa amalan nilai-nilai murni kemasyarakatan

TERAS 4 | MEMPERKUKUHKAN JALINAN KERJASAMA PINTAR DAN PENGLIBATAN AKTIF KE ARAH PEMBENTUKAN KOMUNITI MAMPAH

BIL.	STRATEGI	PROGRAM	KPI / SASARAN	PENYELARAS KPI
1.	Meningkatkan Program bagi Memperkasakan Komuniti.	Program kesedaran terhadap kepentingan komuniti dalam Pembangunan Bandar Mampan.	Bilangan program: a) 10 program (2016) b) 15 program (2017) c) 20 program (2018) d) 25 program (2019) e) 30 program (2020)	Bhg. Perkhidmatan Komuniti - J(P) Bhg. Pembangunan Mampan - J(R)
2.	Menggalakkan ‘Engagement’ dan ‘Empowerment’ di Kalangan Komuniti.	Kursus-kursus kemahiran bagi memperkasakan komuniti. Melaksanakan Program LA21 bersama komuniti dan stakeholders Putrajaya.	a) 5% (2016) b) 10% (2017) c) 15% (2018) d) 20% (2019) e) 25% (2020) 50 program setahun	Bhg. Perkhidmatan Komuniti - J(P) & Bhg. Botani - J(L) Bhg. Pembangunan Mampan - J(R)
3.	Menambah baik Kaedah Pengiktirafan ke atas Pencapaian dan Inisiatif yang Cemerlang oleh Komuniti.	Program Urban Farming. Penganjuran Sukan Komuniti.	Peningkatan jumlah pembabitan komuniti dalam Koperasi Komuniti Penduduk Putrajaya (KKPPB) setahun dalam melaksanakan PUF - 20% setahun (keahlian 2014: 60orang; 2015: 100 orang 2016: 130 orang)	Bhg. Taman & Rekreasi - J(L) dan JK Kerja Lanskap di bawah LA21 Putrajaya Bhg. Perkhidmatan Komuniti - J(P)
4.	Memperkasa Amalan Nilai-Nilai Murni Kemasyarakatan.	Anugerah Komuniti Mampan. Anugerah Local Champion kepada ketua-ketua program pembangunan komuniti yang cemerlang.	2 tahun sekali 2 tahun sekali	Urusetia Induk LA21 Putrajaya, Bhg. Pembangunan Mampan - J(R) Bhg. Perkhidmatan Komuniti - J(P)
		Penganjuran Program Pembudayaan Amalan Nilai-Nilai Murni Putrajaya. Pengoperasian Pusat Mediasi Komuniti (PMK) Putrajaya.	4 program setahun 2016 – 2017 (1 PMK) 2018 – 2020 (2 PMK)	

TERAS 5

MEMPERKASAKAN
PERKHIDMATAN
PERBANDARAN
UNTUK KEPUASAN
PELANGGAN

- Strategi 1** ► Meningkatkan kebersihan dan kecerian bandar
- Strategi 2** ► Meningkatkan kualiti penyelenggaraan
- Strategi 3** ► Memantapkan aktiviti penguatkuasaan
- Strategi 4** ► Memantapkan peranan Pusat Kawalan Bandaraya
- Strategi 5** ► Memantapkan pengurusan aduan dan kepuasan pelanggan
- Strategi 6** ► Meningkatkan kualiti sistem pengangkutan awam

TERAS 5 MEMPERKASAKAN PERKHIDMATAN PERBANDARAN UNTUK KEPUASAN PELANGGAN				PROGRAM & KPI
BIL.	STRATEGI	PROGRAM	KPI / SASARAN	PENYELARAS KPI
1.	Meningkatkan Kebersihan dan Kecerian Bandar	Kempen dan Program Kesedaran Kebersihan & Kitar Semula (3R) Putrajaya.	6 kali setahun	Bhg. Kesihatan Persekitaran - J(P)
		Hari Kitar Semula.	1 kali setahun	
		Penglibatan bersama wakil MPP dalam pelaksanaan kerja-kerja kawalan haiwan kacau ganggu.	2 kali setahun	Bhg. Kesihatan Persekitaran dan Bhg. Perkhidmatan Komuniti - J(P)
2.	Meningkatkan Kualiti Penyelenggaraan.	Memberikan Latihan Teknikal berkaitan Penyelenggaraan kepada Jurutera dan Penolong Jurutera	Sekurang-kurangnya 2 latihan teknikal dalam 1 tahun untuk setiap Jurutera dan Penolong Jurutera	Bhg. Fasiliti - J(B)
3.	Meningkatkan Aktiviti Penguatkuasaan.	Menggunakan <i>hand held device</i> bagi menambahkan kecekapan pengeluaran kompaun.	Sekurang-kurangnya 15,000 kompaun setahun.	Bhg. Penguatkuasa - J(P)
		Memperkenalkan zon tunda dan zon apitan (<i>Clamping zone</i>) di kawasan <i>hot spot</i> yang sering berlaku kesalahan lalu lintas.	1 zon/setahun.	
4.	Meningkatkan Aktiviti Penguatkuasaan.	Penambahbaikan SOP bagi Pusat Kawalan Bandaraya.	Mengikut keperluan dari masa ke semasa.	Bhg. Jalan - J(B)
		Menyediakan Aplikasi Trafik.	1 projek.	
		Penyampaian maklumat bencana	Kempen Kesedaran (Keselamatan Jalan Raya). - 5 kali/tahun.	Bhg. Penguatkuasa - J(P)
		Meningkatkan kompetensi operator.	1 Latihan/ 1 Lawatan setiap tahun.	
5.	Memantapkan Pengurusan Aduan dan Kepuasan Pelanggan.	Pemantauan dan Inovasi Berterusan Pengurusan Kepuasan Pelanggan.	a) Menyediakan Laporan Pemantauan secara bulanan (12 kali/tahun) b) Mengemaskini kategori & pegawai aduan secara berkala (2 kali/tahun)	Bhg. Komunikasi Korporat - J(K)
		Memperkenalkan Standard Perkhidmatan Pelanggan PPj dan mempromosi Slogan Perkhidmatan Pelanggan PPj.	<ul style="list-style-type: none"> Menyediakan garis panduan untuk semua kaunter utama PPj <ul style="list-style-type: none"> - 1 garis panduan - 20 kaunter utama • Kempen dalaman organisasi dan <i>stakeholder</i> - 2 kali/tahun dalam bentuk modul kursus - 4 kali/tahun (<i>stakeholder</i>) 	
6.	Meningkatkan Kualiti Sistem Pengangkutan Awam.	Penambahbaikan tempat menunggu bas dan teksi.	Bilangan 'bus lay-by' baru – 20 unit	Bhg. Jalan - J(B)

TERAS 6

MEMANTAPKAN PEMBANGUNAN KAPASITI DAN SISTEM PENYAMPAIAN YANG BERDAYA SAING

- Strategi 1** ► Memantapkan sumber manusia
- Strategi 2** ► Memperkasakan pengurusan maklumat dan komunikasi
- Strategi 3** ► Memperkuuh pengurusan kewangan
- Strategi 4** ► Meningkatkan budaya inovasi
- Strategi 5** ► Meningkatkan persekitaran kerja supaya lebih kondusif

TERAS 6 | MEMANTAPKAN PEMBANGUNAN KAPASITI DAN SISTEM PENYAMPAIAN YANG BERDAYA SAING

BIL.	STRATEGI	PROGRAM	KPI / SASARAN	PENYELARAS KPI
1.	Memantapkan Sumber Manusia	Memperkasakan pelaksanaan program-program utama yang telah digariskan dalam Pelan Komprehensif Pengurusan Sumber Manusia seperti berikut:	2016 – 20% 2017 – 40% 2018 – 60% 2019 – 80% 2020 – 100%	Bhg. Sumber Manusia - J(K)
		i. Menyediakan rancangan kemajuan kerjaya dan perancangan penggantian (<i>succession planning</i>). ii. Menyediakan program pusingan kerja dan pendedahan (<i>attachment</i>) secara sistematis kepada pegawai-pegawai PPj.	2016 – 20% 2017 – 40% 2018 – 60% 2019 – 80% 2020 – 100%	
		iii. Memantapkan program-program latihan yang menjurus kepada pembangunan kompetensi (umum dan khusus). iv. Memantapkan program pembangunan sahsiah, jatidiri dan motivasi pegawai-pegawai PPj.	2016 – 20% 2017 – 40% 2018 – 60% 2019 – 80% 2020 – 100%	
2.	Memperkasakan Pengurusan Maklumat dan Komunikasi.	Pengurusan dan pemantauan Pelan Tindakan bagi Pelan Strategik ICT	Pencapaian Pelan Strategik ICT	Bhg. Teknologi Maklumat dan Komunikasi - J(K)
3.	Memperkuuh Pengurusan Kewangan.	Perbelanjaan Berhemah. Pengurangan peratusan tunggakan hasil. Laporan Kewangan yang Benar dan Saksama. Meningkatkan hasil sedia ada. Pengurangan Perbelanjaan. Rizab tunai mencukupi.	Bajet Varian (-15%). 90% daripada tunggakan hasil dikutip. Mendapat Sijil Audit Bersih ke atas Penyata Kewangan Tahunan PPj. Peningkatan sebanyak 10%. Pengurangan kos sebanyak 20%. Rizab Semasa boleh menampung 3 tahun emolument.	Bhg. Pengurusan Kewangan - J(W)
4.	Meningkatkan Budaya Inovasi.	Mewujudkan Bank Inovasi Menggalakkan penubuhan KIK di setiap jabatan.	Bilangan inovasi yang didaftarkan 2016 – 10 inovasi a) Bilangan kumpulan yang ditubuhkan (8 kumpulan ditubuhkan) b) Bilangan projek yang dihasilkan (6-projek dihasilkan)	Bhg. Pengurusan Strategik - J(K)
5.	Meningkatkan Persekitaran Kerja Supaya Lebih Kondusif.	Pelaksanaan Ekosistem Kondusif Sektor Awam (EKSA)	Bilangan Jabatan/Bahagian yang melaksanakan EKSA 2016 – Pengenalan dan Program Kesedaran 2017 – Pelaksanaan 2 Jabatan 2018 – Pelaksanaan 4 Jabatan 2019 – Pelaksanaan di Keseluruhan PPj	Bhg. Pentadbiran - J(K)

BAB 6

IMPLEMENTASI KE ARAH KEJAYAAN



ELEMEN PENENTU KEJAYAAN

Kecukupan Dan Kecekapan Sumber

Kekuatan dan elemen utama bagi memacu kejayaan PPj datangnya dari kecekapan dan usaha gigih kakitangan yang sentiasa dilatih dan diberi pendedahan untuk meningkatkan pengetahuan di dalam bidang berkaitan. Selari dengan saranan Kerajaan untuk mengoptimalkan sumber yang sedia ada, PPj juga menerapkan kemahiran kakitangan dengan pelbagai skop tugas (*multi-tasking*) di mana faedah yang diperolehi bukan sahaja kepada organisasi malah boleh meningkatkan kemahiran dan kecekapan individu di PPj. Struktur organisasi sentiasa disemak dari semasa ke semasa bagi menjamin kecukupan sumber bagi melaksanakan strategi dan program yang telah dirancang. Dalam menghadapi kedudukan kewangan yang terhad, PPj sentiasa mengenalpasti dan melaksanakan langkah-langkah bagi meningkatkan hasil dan mengoptimalkan perbelanjaan.

Penggunaan ICT Secara Menyeluruh

Bagi menghasilkan *outcome* terbaik, PPj berada selangkah di hadapan dengan memaksimumkan penggunaan teknologi maklumat dan komunikasi (ICT) di dalam pelbagai aspek terutamanya yang melibatkan perkhidmatan kepada komuniti Putrajaya dan orang awam. Penggunaan ICT yang menyeluruh di PPj membantu pelaksanaan operasi dalaman dengan lebih mudah dan cepat di samping mengurangkan response time bagi aduan yang dikemukakan oleh orang awam menerusi Sistem Pengurusan Aduan Awam (SISPA). Penggunaan ICT di PPj juga merangkumi pembangunan aplikasi, sistem pengurusan maklumat bersepadu, penyediaan kemudahan infrastruktur dan keselamatan ICT dan pengurusan sistem keselamatan maklumat bagi memastikan ianya terpelihara dan terkawal. Matlamat PPj adalah untuk melaksanakan "Smart Putrajaya" dan pelaksanaan *geo-fencing*.

Rangkaian Kerjasama Strategik

Selaku badan yang melaksanakan fungsi Pihak Berkuasa Tempatan, PPj perlu berganding dengan pelbagai agensi kerajaan, swasta dan badan bukan kerajaan dalam penyampaian perkhidmatan bagi memenuhi ekspektasi komuniti dan orang awam. Elemen kerjasama ini telah diterapkan di dalam pelaksanaan skop Jabatan bukan sahaja untuk memenuhi keperluan penduduk setempat, malahan bagi menarik kunjungan luar di dalam menaikkan industri pelancongan Putrajaya. Jalinan kerjasama ini ditingkatkan dari semasa ke semasa bagi memantapkan mutu perkhidmatan yang diberikan.

Kajian Semula Pelan Strategik

Perancangan yang teliti dan strategik adalah sangat penting bagi memastikan Visi dan Misi yang telah ditetapkan dapat dicapai dengan jayanya. Justeru itu, kajian semula dengan mengambilkira sasaran dan pencapaian yang lalu seperti yang telah dipersetujui di dalam Pelan Strategik PPj perlu dikaji semula dalam tempoh 5 tahun. Adalah penting untuk PPj menambahbaik strategi dan tindakan yang telah dirangka bagi memastikan ianya sentiasa diperbaharui mengikut kesesuaian, matlamat dan peredaran semasa.

BAB 7

PENUTUP




FAKTA ASAS PUTRAJAYA

PIHAK BERKUASA TEMPATAN :


Perbadanan Putrajaya (PPj) ditubuhkan dan berkuatkuasa mulai 1 Mac 1996 di bawah Akta Perbadanan Putrajaya 1995 (Akta 536) untuk mentadbir dan mengurus Wilayah Persekutuan Putrajaya

PEMAJU UTAMA :

Putrajaya Holdings Sdn. Bhd. (PjH) ditubuhkan pada 19 Oktober 1995 dan merupakan syarikat swasta yang dipertanggungjawabkan untuk membangunkan Putrajaya.




KEGUNAAN TANAH




- Kerajaan (225.38 Ha)
- Kemudahan Awam (334.27 Ha)
- Infrastruktur & Utiliti (482.57 Ha)
- Kegunaan Campuran (40.82 Ha)
- Kawasan Lapang & Rekreasi (1,918.66 Ha)
- Kediaman (733.64 Ha)
- Komersil (139.41 Ha)
- Kegunaan Khusus (132.92 Ha)
- Industri Perkhidmatan (11.23 Ha)
- Jalan Raya (902.10 Ha)


KOMPONEN PEMBANGUNAN



PETA PUTRAJAYA



PERISTIWA PENTING PUTRAJAYA



AKRONIM

KWP - Kementerian Wilayah Persekutuan

KPKT - Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan

JPM - Jabatan Perdana Menteri

PPj - Perbadanan Putrajaya

EPU - Unit Perancangan Ekonomi, Jabatan Perdana Menteri

MAMPU - Unit Pemodenan Tadbiran dan Perancangan Pengurusan Malaysia

BPH - Bahagian Pengurusan Hartanah, Jabatan Perdana Menteri

BPA - Biro Pengaduan Awam, Jabatan Perdana Menteri

KPI - Petunjuk Prestasi Utama

ICT - Teknologi Maklumat dan Komunikasi

ISP - Pelan Strategik ICT

ISMS - Pengurusan Sistem Keselamatan Maklumat

CCTV - Kamera Litar Tertutup

SAP - *Systems Applications and Products in Data Processing*

KIK - Kumpulan Inovatif dan Kreatif

NGO - Pertubuhan Bukan Kerajaan





PERBADANAN PUTRAJAYA
Bahagian Pengurusan Strategik,
Jabatan Perkhidmatan Korporat,
Kompleks Perbadanan Putrajaya,
24, Persiaran Perdana, Presint 3,
62675 PUTRAJAYA, Malaysia
TEL: 603 8887 7006
FAKS: 603 8887 5014
www.ppj.gov.my
www.facebook.com/putrajaya